

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perincian status penghantaran balik kontena plastik haram ke negara asal termasuk jumlah yang telah dihantar, tarikh penghantaran dan yang masih dalam proses penghantaran, berdasarkan negara asal serta pelabuhan yang terlibat. Apakah kesulitan atau kekangan yang dihadapi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pengimportan dan lambakan kontena yang mengandungi buangan plastik yang kini berada di pelabuhan-pelabuhan negara telah menjadi perhatian sejak Mac 2019. Kerajaan berpendirian bahawa, Malaysia tidak wajar dijadikan *dumping ground* buangan plastik yang kotor dan semua kontena barang dagangan buangan plastik yang didapati melanggar perundangan negara akan dihantar balik ke negara asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 April 2019, Jawatankuasa Induk Pengurusan dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sisa Plastik Import telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Ketetapan telah dibuat supaya Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil tindakan untuk menghantar balik kontena-kontena barang dagangan buangan plastik (HS Code 3915) yang tidak mematuhi perundangan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) hanya membenarkan premis yang mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan mempunyai AP daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) untuk mengimport buangan plastik untuk dikitar semula di premis mereka. Kerajaan hari ini juga akan meneruskan tindakan dan usaha penghantaran balik kontena buangan plastik yang tidak mematuhi perundangan dan peraturan ke negara asal.

4. Sehingga Jun 2020, sebanyak dua ratus dua puluh lima (225) kontena mengandungi buangan plastik melibatkan dua puluh satu (21) negara telah berjaya dihantar pulang melalui tiga (3) pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang, Selangor, Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak dan Pelabuhan Pulau Pinang. Negara yang terlibat dan jumlah kontena yang telah berjaya dihantar pulang ialah, United Kingdom (47), Bangladesh (1), Spain (10), Australia (3), Singapura (4), Jepun (5), USA (49), Belgium (7), German (2), Taiwan (1), Poland (1), Korea Selatan (2), Hong Kong (23), China (3), Sri Lanka (1), France (48), Portugal (3), Canada (11), Lithuania (1), Arab Saudi (1) dan Vietnam (2). Kontena-kontena dalam proses penghantaran balik ke negara pengeksport adalah sebanyak enam puluh sembilan (69) kontena dan jumlah ini akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa memandangkan penguatkuasaan akan dijalankan secara berterusan. Perincian kontena yang mengandungi buangan plastik yang telah dihantar bagi ketiga-tiga pelabuhan tersebut adalah seperti jadual yang dilampirkan.

5. Proses penghantaran balik kontena-kontena yang mengandungi buangan plastik ini, bukanlah perkara mudah dan pelbagai kesulitan atau kekangan perlu dihadapi. Antara kekangan yang dihadapi ialah isu kos seperti kos penghantaran, penyimpanan dan "*demurrage and detention charge*". Selain itu masalah juga timbul bagi kontena yang tidak dituntut yang mana kontena-kontena tersebut telah lama berada di pelabuhan dan pengimport telah menutup premis atau tidak lagi wujud. Untuk mengatasi perkara ini, pihak JAS sedang mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa negara-negara pengeksport dan agen perkapalan yang berkenaan.

JADUAL
PENGHANTARAN KONTENA SISA PLASTIK SEHINGGA JUN 2020

BIL.	PELABUHAN	NEGARA	BIL. KONTENA	BERAT (kg)
1.	Pelabuhan Klang, Selangor	United Kingdom (UK)	1	22,000
		Bangladesh	1	20,710
		Spain	10	237,220
		Australia	3	68,440
		Singapura	1	22,000
		Jepun	5	390,770
		USA	1	28,000
		Belgium	7	152,820
		German	2	45,360
		Taiwan	1	21,050
		Poland	1	18,900
		Korea Selatan	2	30,790
		Hong Kong	14	290,788
		China	3	58,000
Sri Lanka	1	21,284		
2.	Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak	Amerika Syarikat (USA)	31	429,760
		France	48	991,373
		Singapore	3	71,886
3.	Pelabuhan Pulau Pinang	Amerika Syarikat (USA)	17	334,103
		Vietnam	2	38,195
		Portugal	3	73,647
		Canada	11	189,201
		Lithuania	1	20,300
		Arab Saudi	1	22,300
		UK	46	981,278
		Hong Kong	9	147,000
JUMLAH			225	4,727,175

Sekian. Terima kasih.